

NO. SOALAN : 156

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.06.2014

YB Fong Kui Lun (Bukit Bintang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang melaksanakan 2 jenis kadar cukai GST yang berbeza iaitu kadar cukai untuk barangan / perkhidmatan perlu yang lebih rendah dan kadar cukai yang tinggi bagi barangan / perkhidmatan mewah supaya rakyat keseluruhannya tidak terkesan dengan pelaksanaan GST kelak.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Struktur GST yang dicadangkan secara tidak langsung telah menggunakan pelbagai "kadar" iaitu GST dikenakan pada kadar 6%, kadar sifar atau dikecualikan. Bagi barang dan perkhidmatan yang merupakan komponen asas dalam kehidupan seharian terutamanya kepada mereka

yang berpendapatan rendah, Kerajaan telah mencadangkan barang dan perkhidmatan tersebut dikenakan GST pada kadar sifar atau dikecualikan. Ini bermaksud barang dan perkhidmatan perlu seperti makanan asas (beras, gula, tepung, sayuran, daging, ayam, telur ayam dan ikan), bekalan air dan elektrik, perkhidmatan pengangkutan awam, pendidikan dan kesihatan, pembelian dan penyewaan rumah kediaman tidak dikenakan GST. Manakala barang dan perkhidmatan lain yang peratus penggunaannya adalah tinggi bagi mereka yang mampu adalah dikenakan GST pada kadar 6%.